

Tidak jejakkan mertabat raja — Dr.M

Kuasa darurat akan ditamatkan di Kelantan bila keadaan reda semula

11 NOV 1977

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Rang undang-undang kuasa darurat (Kelantan) 1977 tidak sekali-kali menjejaskan kedudukan dan mertabat raja yang memerintah di negeri itu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan.

Timbalan Perdana Menteri yang berucap membentang rang tersebut di Dewan Negara petang semalam berkata, perkara (6) di bawah rang undang-undang itu memberi hak kepada raja yang memerintah mendapatkan maklumat berkenaan dengan kerajaan negeri.

Tegasnya, pertuntukan itu adalah sama sahaja seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Negeri Kelantan.

"Rang undang-undang itu tidak ada niat sama sekali untuk menyentuh kedudukan raja di negeri itu," katanya.

memilih cara apolitical — cara pentadbiran sivil oleh pusat di bawah undang-undang darurat yang memang ada dalam perlembagaan negara kita untuk kemungkinan seperti ini," katanya.

Beliau menegaskan, keadaan di Kelantan tidak boleh dibiarkan berterusan kerana peruntukan yang besar telah diberi untuk pembangunan negeri itu dan jika jalan penyelesaian tidak segera ditemui, keadaan pasti menjejaskan pembangunannya dan rakyat akan mengalami nasib yang buruk.

Katanya, kerajaan juga tidak dapat diyakin-

Haji Mohamad Nasir telah memilih untuk menasihati Pemangku Raja supaya membubarkan Dewan."

Katanya lagi, pembubaran sebuah Dewan adalah satu perkara yang besar dan dalam jangka masa perkara ini dipertimbangkan beberapa kejadian telah berlaku.

Keadaan huru-hara telah teretus di mana kereta-kereta telah diterbalikkan dan kedai-kedai dipecah. Polis juga telah diserang dengan batu dan botol dan beberapa orang telah cedera dalam rusuhan yang berlaku. Akhirnya perintah berkurang 24 jam

Beliau berkata, kerajaan boleh menggunakan peruntukan kuasa darurat yang ada di bawah perlembagaan tanpa membawa rang itu ke Parlimen.

"Tetapi kerajaan memegang teguh kepada amalan demokrasi dan tidak mahu sembunyikan sesuatu perkara yang melibatkan rakyat, jadi terpaksa kerajaan membawanya ke Parlimen.

Beliau menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan Pusat cuba seberapa daya yang boleh untuk mengelak daripada mengenakan undang-undang darurat di Kelantan, tetapi malangnya semua cara penyelesaian politik yang diusahakannya telah gagal.

"Memandangkan kepada kedudukan Kelantan dan kaitannya yang rapat dengan masalah keselamatan negara, Kerajaan Pusat terpaksa mencari jalan keluar seberapa cepat yang boleh.

"Cara-cara politik telah gagal. Oleh itu Kerajaan Pusat terpaksa

kan bahawa jalan penyelesaian politik terhadap krisis Kelantan dapat menjamin keadaan di negeri itu boleh kembali seperti biasa berikutan undi tidak percaya terhadap Menteri Besar pada 15 Oktober.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian memberikan latarbelakang yang membawa kepada tindakan Kerajaan Pusat itu dengan panjang lebar kepada Dewan Negara yang bersidang khas bagi membahaskan akta tersebut yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pagi semalam.

Beliau menjelaskan, mengikut perlembagaan Negeri Kelantan, seorang Menteri Besar yang telah hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Undangan boleh membuat satu daripada dua perkara: Dianya boleh meletakkan jawatan bersama ahli-ahli Exco-nya atau dianya boleh menasihatkan Raja yang memerintah supaya Dewan Undangan Negeri dibubar.

"Dalam kes ini Menteri Besar, Datuk

terpaksa diisytiharkan di seluruh Kota Bharu.

Sementara itu ketika berucap menggulung perbahasan atas rang undang-undang yang sama di Dewan Rakyat malam semalam Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan tidak sekali-kali berniat untuk merampas kuasa di Kelantan dengan menggunakan undang-undang darurat.

"Tujuan kita semata-mata untuk mententeramkan negeri itu dan melicinkan pentadbirannya demi kepentingan rakyat," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat akan menamatkan kuasa daruratnya, ke atas Kelantan itu sebaik sahaja keadaan kembali reda semula "kerana kita tidak mahu memikul beban tambahan."

Datuk Sri Dr. Mahathir mula menggulung perbahasan ke atas rang undang-undang itu kira-kira pukul 1.50 pagi setelah ia dibahaskan dengan hangatnya sebaik sahaja selepas Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn

Polis telah mengambil pistol Timbalan Menteri Besar Kelantan

menentangkannya pada pukul 7.30 malam.

Ia diluluskan pada kira-kira pukul 2.30 pagi setelah undian secara belah-bahagi dijalankan dengan 118 anggota Dewan menyokong dan 18 orang lagi menentang. Mereka yang menentang itu terdiri dari 12 orang ahli PAS dan 6 orang ahli DAP.

Wakil tunggal PEKEMAS, Dr. Tan Chee Khoo yang turut berucap semasa perbahasannya bagaimana-pun tidak hadir bila undian dijalankan sejeurus sebelum sidang khas Dewan Rakyat itu berakhir kira-kira pukul 2.45 pagi.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan, dengan kelulusan rang undang-undang itu, suasana di Kelantan akan dapat diredakan dan keadaan kembali dipulihkan.

Bagaimanapun, menurut beliau, dalam berkuatkuasanya undang-undang itu nanti, usaha-usaha mencari jalan penyelesaian politik akan juga diteruskan bagi mengatasi masalah di Kelantan itu.

Mengenai kedudukan PAS dalam Barisan Nasional dan keputusan ahli-ahlinya meletakkan jawatan dari kabinet, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

* Kita suka semua orang ada dalam Barisan

Nasional.

* Tetapi janganlah digunakan untuk menimbulkan keserbesalahan kepada Perdana Menteri tentang komposisi kabinetnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menolak tuduhan-tuduhan yang mengatakan seolah-olah polis tidak menjalankan tugas mereka pada mula menghadapi kumpulan-kumpulan orangramai yang berhimpun.

Katanya, polis terpaksa bertindak cermat bagi mengelakkan sebarang akibat buruk.

Tentang rusuhan di rumah **Timbalan Menteri Besar Kelantan, Haji Wan Ismail Ibrahim**, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau mendapat laporan bahawa kumpulan-kumpulan orangramai itu menjadi ganas setelah tembakan-tembakan dilepaskan dari dalam rumah.

Katanya, pihak polis telah mengambil pistol kepunyaan Haji Wan Ismail yang terlibat.

Datuk Sri Dr. Mahathir menafikan beliau telah mengadakan rundingan dengan wakil-wakil Barisan Bertindak Rakyat Kelantan semasa beliau melawat sehari ke negeri itu untuk meninjau keadaan sebenar.

"Kalau saya berunding pun ini tidak menjadi kesalahan dan bererti saya mengiktiraf mereka," tegasnya.